

09 JUN 2001

Mahathir-Budaya

PILIH BUDAYA JEPUN YANG BAIK SAHAJA, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Jamaluddin Muhammad

TOKYO, 9 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan rakyat membuat tapisan dalam mencontohi etika kerja rakyat Jepun ekoran terdapat perubahan budaya di kalangan generasi muda negara itu sekarang.

Perdana Menteri berkata rakyat perlu mencontohi etika kerja yang baik sahaja dan mengeneppikan budaya yang negatif.

Generasi Jepun sekarang kelihatan lebih suka mengutamakan keseronokan dan materialistik sahaja akibat terpengaruh dengan budaya Barat, katanya semasa berdialog dengan para pelajar Malaysia di Kedutaan Malaysia di sini.

Dr Mahathir yang dalam lawatan tiga hari ke Jepun, berkata rakyat Malaysia perlu mencontohi etika kerja ditunjukkan oleh generasi Jepun dahulu yang mengutamakan bekerja bersungguh-sungguh.

Beliau berkata generasi muda Jepun sepatutnya mengekalkan budaya kerja generasi lama kerana negara itu berjaya menjadi maju sekarang disebabkan oleh budaya itu.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia kini mampu merekacipta dan ini terbukti apabila mereka memenangi banyak anugerah rekacipta di peringkat antarabangsa.

Bagaimanapun, masalahnya ialah mereka tidak cekap menuntut paten bagi rekacipta mereka atau mengkomersilkan rekaan itu dan kerajaan kini berusaha mengalakkan mereka memperbetulkan keadaan itu, katanya.

Pada majlis itu, suasana menjadi sedikit terharu apabila seorang bekas pelajar tajaan kerajaan, Iqbal Abdullah, 24, tidak mengemukakan soalan, sebaliknya menggunakan peluang itu untuk menyampaikan hasrat bapanya, sasterawan negara Abdullah Hussein dan beliau mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir.

"Bapa saya dan saya mengucapkan terima kasih kepada Datuk Seri Dr Mahathir kerana memberi peluang kepada saya belajar di Jepun dan saya bangga jadi produk Dasar Pandang ke Timur,".

Iqbal kini bekerja sebagai jurutera sistem di Sun Microsystem, di sini, dalam keadaan sebak berkata, beliau sangat terhutang budi kepada kerajaan kerana memperkenalkan dasar itu sehinggakan beliau kini boleh bekerja dalam persaingan dengan bangsa lain di sini.

"Saya berjanji tidak akan mensia-siakan pelaburan negara dan akan pulang ke negara kelak untuk memberikan perkhidmatan saya," katanya.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan Duta Besar Malaysia ke Jepun Datuk Marzuki Mohd Noor.

-- BERNAMA

JM HS FAZ